



Deklarasi ASEAN tentang Hak terhadap Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Lestari

KAMI, Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN), iaitu Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Vietnam, sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 26-28 Oktober 2025;

MENYEDARI akan keperluan yang semakin meningkat dan mendesak untuk menangani kebimbangan alam sekitar global dan rentas sempadan, khususnya, krisis planet tiga serangkai iaitu perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pencemaran alam sekitar serta untuk memajukan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari;

MENGAMBIL MAKLUM hubungan antara keamanan dan keselamatan, pembangunan mampan dan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari;

MENGULANGI komitmen kami dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1945, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, Deklarasi dan Program Tindakan Vienna 1993 serta instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain yang semua Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya;

MENYEDARI resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 76/300 pada 28 Julai 2022;

MENEGASKAN SEMULA Perkara 28 Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN 2012 dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, khususnya Perkara 28, 35 dan 36 bahawa setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan taraf hidup yang mencukupi untuk dirinya dan keluarganya termasuk hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih dan lestari dan bahawa hak terhadap pembangunan harus dipenuhi agar dapat memenuhi keperluan pembangunan dan alam sekitar generasi kini dan akan datang secara saksama dan untuk mewujudkan keadaan bagi perlindungan dan kelestarian alam sekitar untuk rakyat ASEAN;

MENEGASKAN SEMULA SELANJUTNYA komitmen kami dalam Deklarasi ASEAN tentang Kelestarian Alam Sekitar 2007, Deklarasi tentang Agenda Kelestarian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ASEAN Pasca-2015 2015, Garis Panduan ASEAN tentang Pengiktirafan Pemegangan Ikut Adat dalam Landskap Hutan 2022, Perjanjian ASEAN tentang Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan 2002, Deklarasi Pemimpin ASEAN tentang Daya Tahan Mampan 2023, Rangka Kerja Ekonomi Biru ASEAN 2023 dan ASEAN 2045: Masa Depan Bersama.

MENYEDARI bahawa, walaupun implikasi hak asasi manusia akibat kerosakan alam sekitar dirasai oleh individu dan komuniti di seluruh dunia, kesannya paling ketara



dirasai oleh wanita dan kanak-kanak perempuan serta kumpulan populasi yang sedia berada dalam keadaan rentan, termasuk kanak-kanak dan belia, warga emas, orang kurang upaya, kumpulan etnik dan komuniti peribumi dan tempatan sebagaimana yang terpakai kepada Negara Anggota ASEAN yang berkaitan;

MENYEDARI kesan negatif perubahan iklim terhadap penikmatan alam sekitar yang bersih, sihat dan lestari;

MENYEDARI selanjutnya bahawa kemerosotan alam sekitar, termasuk daripada perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mampan ialah antara ancaman yang paling mendesak dan serius terhadap keupayaan generasi kini dan akan datang untuk menikmati hak asasi manusia;

MENGAKUI kepentingan melibatkan semua pihak berkepentingan dan orang ramai, termasuk orang yang berada dalam keadaan rentan seperti kanak-kanak dan belia, wanita dan orang kurang upaya, serta komuniti tempatan untuk mengatasi perubahan iklim; termasuk kepentingan pengetahuan, teknik dan teknologi tradisional dalam usaha mengekalkan daya tahan iklim komuniti;

MENGAKUI keperluan untuk perlindungan yang mencukupi dan berkesan untuk semua, termasuk orang yang berusaha untuk menggalakkan dan melindungi hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari, sebagaimana yang sesuai;

MENEKANKAN peranan penting yang dimainkan oleh Negara Anggota ASEAN dalam usaha mengambil tindakan kolektif untuk menangani cabaran terhadap hak alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari demi kepentingan bersama dan kebaikan bersama untuk generasi kini dan akan datang;

MENEGASKAN SEMULA komitmen ASEAN yang teguh untuk meningkatkan daya tahan iklim rantau ini dan mengurangkan kerentanan melalui kerjasama aktif dan bantuan bersama antara Negara Anggota ASEAN dalam bidang yang berkaitan dan hubung kait antara perubahan iklim, hak asasi manusia, pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan;

MEMPERKUKUH langkah-langkah yang diambil oleh Negara Anggota ASEAN secara individu, melalui bantuan dan kerjasama serantau dan antarabangsa dengan sumber maksimum yang sedia ada bagi Negara Anggota ASEAN dengan tujuan mencapai secara progresif usaha merealisasikan sepenuhnya hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari;

MEYAKINI bahawa Deklarasi ini akan menggalakkan kerjasama rentas sektor dan rentas teras sambil memperkukuh rangka kerja hak asasi manusia ASEAN untuk menggalakkan keamanan dan pembangunan inklusif dan mampan di rantau ini.

DENGAN INI MENGISYTIHARKAN KOMITMEN KAMI UNTUK:

1. **Memajukan** hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari untuk generasi kini dan akan datang.
2. **Menggalakkan dan memupuk:**



- 2.1 pelaksanaan undang-undang alam sekitar yang menyumbang kepada pencapaian hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari, dengan membangunkan langkah dan piawaian yang mengambil kira piawaian dan obligasi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan antarabangsa yang berkaitan;
 - 2.2 pelaksanaan perjanjian alam sekitar pelbagai hala yang semua Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya akan menyumbang kepada pencegahan, pengurangan, mitigasi serta menangani bahaya alam sekitar yang menjejaskan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari;
 - 2.3 akses kepada maklumat, penyertaan awam yang bermakna dan akses kepada keadilan, dalam pelaksanaan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari, termasuk untuk orang yang berada dalam keadaan rentan;
 - 2.4 program penyelidikan saintifik dan teknikal tentang isu alam sekitar, termasuk perubahan iklim, pencemaran dan pemuliharaan biodiversiti; dan,
 - 2.5 pendidikan alam sekitar dalam kalangan negara ASEAN untuk meningkatkan kesedaran awam tentang usaha menggalakkan dan melindungi hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari.
3. **Meningkatkan usaha untuk:**
- 3.1 mencegah, mengawal, mengurangkan, mitigasi dan menangani kemerosotan alam semula jadi dan terus berkongsi amalan baik dalam usaha memenuhi hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari;
 - 3.2 memastikan perlindungan yang sama rata dan berkesan terhadap diskriminasi dan pelanggaran hak asasi manusia dan melindungi hak orang dalam situasi rentan; dan,
 - 3.3 menyediakan persekitaran yang selamat dan membolehkan pelaksanaan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari.
4. **Menggalakkan sepenuhnya:**
- 4.1 pelaku bukan Negara, perniagaan dan sektor swasta untuk menghormati dan menggalakkan hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari serta bagi Negara untuk menyokong mereka dengan sumber yang diperlukan seperti yang tersedia; dan,
 - 4.2 penggunaan dan penerimaan alat penilaian risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian impak alam sekitar untuk menilai, mencegah, mengurangkan, memitigasi dan menangani impak serta kemudaratan alam sekitar.
5. **Meningkatkan:**
- 5.1 kerjasama antara Negara Anggota ASEAN untuk berkongsi dan bertukar



Diterima pakai

maklumat dan pengetahuan tentang kesan perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pencemaran terhadap manusia dan alam sekitar, serta langkah untuk mengatasi kemudaratan yang dikenal pasti; dan,

- 5.2 kerjasama dengan Rakan Dialog dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani isu, ancaman dan cabaran alam sekitar sedia ada, baru muncul dan masa hadapan yang mungkin mengganggu hak untuk menikmati alam sekitar yang selamat, bersih, sihat dan lestari.
6. **Menugaskan** Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN tentang Hak Asasi Manusia (AICHR) dalam perundingan dengan Badan Sektor ASEAN yang berkaitan, termasuk Pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN (ASOEN), untuk membangunkan Pelan Tindakan Serantau yang dimiliki dan dipimpin oleh ASEAN untuk menyusuli pelaksanaan Deklarasi ini.
7. **Memastikan** sokongan berterusan dan penyediaan sumber yang mencukupi kepada AICHR dan Badan, Entiti dan pusat ASEAN yang berkaitan untuk menyusuli pelaksanaan Deklarasi ini serta aktiviti dan program berkaitan.
8. **Menjemput** pihak berkepentingan yang berkaitan pada peringkat tempatan, kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menyumbang kepada usaha memupuk pertukaran pengetahuan dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan serta menyediakan sokongan kewangan dan teknikal bagi melengkapi usaha ASEAN untuk melaksanakan Deklarasi ini.

Diterima pakai pada hari kedua puluh enam bulan Oktober tahun dua ribu dua puluh lima, dalam satu salinan asal dalam bahasa Inggeris.

Diakui sebagai Terjemahan yang Sah daripada
Dokumen yang dibekalkan oleh Pelanggan



ITBM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E,

Seksyen 10, Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

MALAYSIA

www.itbm.com.my

(276206D)

4

Disahkan bagi pihak ITBM

Naim Hamdi Abdul Halim

Eksekutif Kanan

Tandatangan :

No. Rujukan : CS-072543

Tarikh : 09 APR 2026